

18/09/2002

THR.fm bantu pesakit Aids

Halina Mohd Noor

SEMPENA sambutan Ulang Tahun Kelapan, Radio Lebuhraya Sdn Bhd, THR.fm, menganjurkan Malam Gala Amal bagi mengutip dana membantu pesakit HIV, Aids, wanita teraniaya dan yang kurang bernasib baik.

Sehubungan itu, satu pertunjukan fesyen bertemakan Fashion With A Cause turut dianjurkan di Pusat Konvensyen Sunway pada 19 Oktober ini. Ia akan memaparkan gabungan hasil rekaan etnik dan kontemporari Bollywood daripada himpunan pereka Mumbai, Anshu, yang terkenal di India.

Ketua Pegawai Eksekutif THR.fm, Abdul Aziz Hamdan, berkata pertunjukan amal itu disasarkan mengutip RM240,000. Jumlah itu akan dibahagikan sama rata kepada tiga organisasi, iaitu MAF (Majlis Aids Malaysia) dan WAO (Pertubuhan Pertolongan Wanita) serta mana-mana pertubuhan yang akan ditetapkan oleh isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Endon Mahmood, yang menjadi tetamu terhormat malam itu.

Selain pertunjukan fesyen, penganjur turut menjanjikan pelbagai hiburan seperti nyanyian dan tarian oleh artis tempatan, Synergy dan persembahan gaya Bollywood oleh Concepts `N' Execution, iaitu syarikat hiburan popular dari Mumbai. Sebagai penghargaan kepada MAF dan WAO, segmen istimewa akan dipersembahkan oleh empat artis daripada industri muzik Malaysia bagi memeriahkan malam itu.

"Sebagai organisasi korporat dan sebahagian daripada kumpulan media di Malaysia, THR.fm merasakan ia menjadi tanggungjawab membantu sekadar termampu. Ini adalah salah satu cara menunjukkan keprihatinan kami kepada 2.2 juta pendengar setia THR.fm yang selama ini berdiri teguh di belakang kami," katanya pada majlis sidang akhbar mengumumkan perkara itu di Restoran Saloma, Kuala Lumpur.

Sebanyak 150 meja dijual dalam tempoh ini yang bernilai dari RM3,000, RM5,000 dan RM10,000 boleh ditempah dengan menghubungi Carol atau Anita di 03-5635 7955 atau faksimili 03-5635 7499 dan Adiwati Zainuddin di 03-2722 3590 atau 03-2720 0993.

"Saya yakin THR.fm Charity Gala 2002, Fashion With A Cause ini pasti hebat. Kita amat bertuah kerana pereka fesyen terkemuka dari India, Anshu, bersetuju menjayakan majlis amal ini. Penyertaan pereka fesyen tempatan amat dialu-alukan dengan menyumbangkan rekaan untuk diperagakan oleh peragawati yang diterbangkan khas dari Mumbai," katanya.

Pengerusi MAF, Datuk Paduka Marina Mahathir, mengalu-alukan usaha murni THR.fm yang prihatin dengan nasib pesakit HIV dan wanita malang.

Katanya, gabungan semua sektor swasta mahupun kerajaan diperlukan untuk menyedar dan menghalang penyakit ini daripada terus merebak.

"Pihak media adalah satu-satunya cara menyalurkan maklumat tepat kepada orang awam umpamanya seperti radio termasuklah mengenai keganasan terhadap wanita. Wanita sebenarnya lebih terdedah kepada jangkitan HIV. Lebih menyedihkan ramai remaja didapati dijangkiti penyakit ini saban hari," katanya.

MAF turut mengadakan pelbagai kegiatan mengutip derma dan disalurkan kepada badan yang menjalankan program Aids sama ada dari segi pencegahan, rawatan dan sokongan.

"Pesakit Aids memerlukan bantuan kewangan menampung kehidupan mereka. Ini kerana kebanyakan mereka tidak mampu untuk menanggung kos rawatan yang tinggi apatah lagi untuk menyara keluarga. Kita telah mewujudkan tiga dana khas untuk membantu mereka, iaitu dana bantuan ubat untuk mereka yang miskin, dana untuk kanak-kanak yang telah dijangkiti dan anak pesakit HIV

Aids dan dana ketiga iaitu yang terbaru dengan memberikan pinjaman sebanyak RM1,000 membantu pesakit dan keluarga menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan. Ia boleh dipohon melalui ahli MAF berserta proposal," katanya.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif WAO, Ivy Josiah, berkata setiap tahun badan itu memerlukan perbelanjaan sebanyak RM500,000. Perbelanjaan yang tinggi itu memerlukan sumbangan orang ramai untuk meneruskan operasi rumah perlindungan kepada wanita mangsa dera dan anak mereka. WAO turut mempunyai pusat jagaan kanak-kanak, perkhidmatan kaunseling telefon serta usaha menyokong untuk perubahan undang-undang dan dasar berkaitan hak wanita.

"Usaha THR.fm ini diharapkan dapat membantu usaha kami menolong wanita malang dan kanak-kanak yang menjadi mangsa rogol, sumbang mahram dan penderaan seksual. Selama 20 tahun, perkhidmatan WAO bertambah dari dua orang pekerja khidmat sosial pada 1982 kepada 17 orang sekarang," katanya.

WAO turut bekerjasama dengan radio THR.fm mendidik orang ramai terhadap isu wanita dengan menyebarkan maklumat mengenai undang-undang, perkhidmatan yang sedia ada bagi wanita dan kanak-kanak, keganasan rumah tangga dan kesihatan wanita yang dibincangkan dalam Bahasa Malaysia dan Tamil.

WAO turut mengumumkan pelancaran WAO Sexual Assault Helpline, iaitu perkhidmatan bantuan telefon kepada wanita dan kanak-kanak yang menjadi mangsa rogol, sumbang mahram dan penderaan seksual bermula bulan ini.

"Kita berharap bukan saja pihak korporat malah pendengar radio akan tampil menyokong malam amal ini dengan membeli meja untuk menyaksikan pertunjukan fesyen dan tarian.